

Jawi tangkap 47 remaja Melayu yang asyik melakukan aksi sumbang

Buat maksiat dalam pesta buih

Kosmo 23/6/13 MS3.

Oleh FARHANA HANIM

MOHD. MYDIN

farhana.mydin@kosmo.com.my

KUALA LUMPUR - Sepasukan anggota penguat kuasa yang melakukan serbuan hanya mampu menebuk dahi apabila mendapati 47 remaja Melayu begitu asyik melakukan aksi sumbang sambil mandi buih ketika menghadiri satu pesta liar di sebuah pub di Jalan Yap Kwan Seng di sini kelmarin.

Lebih memeranjatkan apabila tiga daripada mereka merupakan pelajar perempuan tingkatan lima yang didapati turut terkinja-kinja dengan seluruh badan dilitupi buih. Baju yang dipakai lencun hingga menampakkan susuk tubuh mereka.

Serbuan pukul 12.30 tengah malam itu dilakukan oleh Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan (Jawi) dengan dibantu anggota polis daripada Bahagian Kongsis Gelap, Judi dan Maksiat (D7) Kuala Lumpur dan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur.

Daripada jumlah itu, 38 merupakan lelaki manakala bakiunya perempuan berusia antara 17 hingga 30 tahun.

Difahamkan, pelanggan dihendaki membayar RM40 untuk menyertai parti liar tersebut.

Parti itu sering dianjurkan di premis berkenaan tetapi ia tidak khusus pada hujung minggu sahaja. Penganjur akan mengadakan parti berkenaan pada ha-



SEBAHAGIAN daripada pengunjung sebuah pub yang ditahan selepas pihak berkuasa menyerbu pesta liar mandi buih di Jalan Yap Kwan Seng semalam.

ri-hari tertentu mengikut permintaan pelanggan tetap.

Dalam serbuan itu, pihak berkuasa turut menahan dua pemilik premis berusia dalam lingkungan 30-an yang dipercayai penganjur parti mengikut Seksyen 35 Akta Jenayah Syariah Wilayah Persekutuan kerana menggalakkan maksiat.

Tinjauan mendapati, ketika diserbu, kesemua pelanggan tersebut sedang asyik menari mengikut alunan muzik rancak sambil tubuh mereka diselaputi buih serta memakai pakaian seksi seperti bikini.

Ada juga pelanggan perempuan yang memakai baju-T dan seluar pendek.

Ketua Pegawai Penguat Kuasa Jawi, Wan Jaafar Wan Ahmad berkata, serbuan dilakukan selepas pihaknya membuat intipan sebaik sahaja mendapat maklumat daripada orang awam mengenai kegiatan maksiat itu.

"Kita sedang menyiasat sudah berapa lama mereka menjalankan kegiatan tersebut hingga mendorong pelajar sekolah menyertai parti liar yang terang-terangan menggalakkan maksiat.

"Selain menari, pelanggan juga dihidangkan dengan minuman keras yang menyebabkan mereka menari dengan lebih asyik kerana mabuk," katanya.

Tambahnya, pub tersebut hanya dibuka kepada pelanggan tetap dan individu yang ingin menyertai pesta buih.

Menurut Wan Jaafar, pengunjung yang ditahan itu dibebaskan selepas keterangan mereka diambil mengikut Seksyen 29 Akta Jenayah Syariah Wilayah Persekutuan selain diberi kaunseling di pejabat Ja-